


UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

<p>Kenyataan Akhbar <i>Press Release</i></p> <p>The logo consists of the letters 'UNIMAS' in white on a blue background, with '30 years Crossing frontiers 1992-2022' written below it.</p> <p>1 November 2022</p> <p>Bahagian Canselor Universiti Malaysia Sarawak 94300 Kota Samarahan Tel +60 82 581216 Fax +60 82 665088 Email: azadnurlisa@unimas.my</p>	<p>574 bergelar graduan di Sidang Kedua pada Konvokesyen ke-26 Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</p> <p>Kota Samarahan, 1 November 2022: Konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Ke-26, menyaksikan seramai 3,972 orang graduan akan memperolehi ijazah masing-masing dalam pelbagai peringkat pengajian dari Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda. Konvokesyen ini akan bermula selama 4 hari, bermula pada 31 Oktober 2022 (Isnin) sehingga 3 November 2022 (Khamis) yang melibatkan 7 sidang.</p> <p>Pengisytiharan Konvokesyen ke-26 ini disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri (Dr) Haji Abdul Taib bin Mahmud merangkap Canselor Universiti Malaysia Sarawak pada sidang pertama yang berlangsung semalam.</p> <p>Pada sidang kedua hari ini yang berlangsung sebelah pagi akan melibatkan istiadat pengurniaan yang melibatkan 574 orang graduan, iaitu sebanyak 362 orang graduan dari Fakulti Seni Gunaan & Kreatif (FSGK) dan 212 orang graduan Fakulti Perubatan Sains dan Kesihatan (FPSK).</p> <p>Konvokesyen UNIMAS ke-26 ini juga akan memberikan penyampaian anugerah-anugerah akademik seperti Anugerah Pelajaran DiRaja, Anugerah Canselor dan Anugerah Pro Canselor kepada graduan yang terpilih menerusi kecemerlangan mereka dalam akademik dan kokurikulum sepanjang pengajian di universiti ini. Anugerah ini akan diberikan kepada graduan di peringkat Sarjana Muda.</p> <p>Bahkan, konvokesyen ini juga akan meraikan 35 graduan kohot pertama Ijazah Sarjana Muda Program Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, yang mendapat tajaan biasiswa penuh daripada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Yayasan Sarawak.</p> <p>Dalam sidang kedua hari ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg Pro Canselor UNIMAS, merangkap Premier Sarawak. Sidang ini juga turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Ybhg Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong bin Matjeraie, Naib Canselor UNIMAS, Ybhg Prof Datuk Dr Mohamad Kadim bin Suaidi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti yang lain.</p>
---	---

U N I M A S